



JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.jwp.gov.my

SIARAN MEDIA

RM1.1 JUTA SUMBANGAN NUR RAMADAN KEPADA ASNAP WILAYAH PERSEKUTUAN 2025/1446H

PUTRAJAYA, 11 MAC 2025 – Jabatan Wilayah Persekutuan bersama Perbadanan Putrajaya menganjurkan Program Nur Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2025/1446H di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya bagi mengimarahkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini. Sumbangan Nur Ramadan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan tahun 2025 ini adalah sebanyak RM1,100,000.00 yang merupakan sumbangan wang zakat daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Daripada jumlah keseluruhan peruntukan sumbangan Nur Ramadan 2025 ini, sebanyak RM140,000.00 diagihkan kepada 700 orang asnaf dan golongan miskin di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) hari ini menyerahkan bantuan wang tunai bernilai RM200.00 setiap orang kepada 300 asnaf termasuk anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, OKU dan mereka yang kurang berkemampuan. Manakala baki 400 orang lagi penerima sumbangan di Wilayah Persekutuan Putrajaya akan menerima agihan sumbangan secara berperingkat. Pemilihan penerima sumbangan ini dipilih melalui senarai asnaf yang berdaftar dengan MAIWP, sistem eKasih dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kategori asnaf yang dipilih juga termasuk golongan fakir, miskin, *al-gharimin*, *al-riqab*, *fisabilillah* dan *muallaf*.

Jabatan Wilayah Persekutuan turut menyediakan peruntukan sebanyak RM75,000.00 bagi setiap Wilayah Persekutuan untuk penyediaan juadah berbuka puasa dan moreh kepada para asnaf yang menghadiri program Nur Ramadan. Pada kali ini, Surau Abdul Rahman AUF, Presint 11 merupakan surau terpilih yang menerima sumbangan khas sebanyak RM5,000.00 daripada Jabatan Wilayah Persekutuan. Sumbangan ini bagi membantu Surau Abdul Rahman AUF menaik taraf fasiliti dengan memberi keselesaan kepada komuniti beribadah di surau ini.

Melalui penganjuran program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan ini, pihak kerajaan dapat menyantuni golongan miskin yang seterusnya dapat meringankan beban golongan ini. Diharapkan melalui program ini turut dapat mengeratkan ukhuwah, perasaan kasih sayang dan persaudaraan yang teguh dalam diri setiap individu di Wilayah Persekutuan. Agama Islam mengajak semua supaya bersatu padu, berkeluarga dan mengukuhkan hubungan silaturrahim agar Wilayah Persekutuan terus maju dan sejahtera dalam keadaan yang aman dan damai selari dengan Aspirasi Malaysia MADANI Hormat.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Jabatan Wilayah Persekutuan

11 Mac 2025